

# Bantu kumpulan2 silat yang belum berdaftar

## Persisi sedia beri kerjasama

*PENCER SILAT.*

KUMPULAN-KUMPULAN silat yang belum berdaftar telah digesa supaya segera menghubungi Persekutuan Silat Singapura (Persisi) agar mereka dapat segera didaftarkan.

Persisi sedia membantu kumpulan-kumpulan tersebut dari soal menubuhkan jawatankuasa sementara, melakar perlembagaan hinggalah mencarikan tempat untuk berlatih.

**- 3 JAN 1986**

Gesaan tersebut telah dibuat oleh Timbalan Presiden Persisi, Encik A Rahim Dayan, semasa berucap dalam upacara perasmian Perguruan Kuningan Singapura (Perkunis) di Balai Rakyat Kampong Ubi baru-baru ini.

### Membantu

Beliau berkata: "Persisi sedia memberi bantuan kepada kumpulan-kumpulan silat yang sejauh ini belum berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

"Kami akan membantu mereka membentuk jawatankuasa-jawatankuasa sementara sehingga pendaftaran mereka diterima.

"Andainya mereka menghadapi kesukaran dalam melakar perlembagaan, Persisi juga sedia membantu.

"Bukan itu sahaja, malah kami akan terus memberikan bantuan yang perlu seperti mendapatkan anggota dan juga tempat untuk berlatih jika mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tempat berlatih."

Sebagai contoh, Encik A Rahim berkata bahawa penubuhan dan pendaf-

taran Perkunis adalah hasil bantuan Persisi.

Persisi juga berjaya mendapatkan tempat latihan untuk Perkunis, iaitu di gelanggang Persatuan Jurulatih Pertahanan Diri Singapura (SMATA).

Encik A Rahim kemudian menjelaskan bahawa tujuan Persisi berbuat demikian ialah untuk menggalakkan perkembangan sihat seni silat di Singapura.

### Boleh didenda

Bila ditanya kemudian, Encik A Rahim berkata bahawa adalah dipercayai terdapat sekurang-kurangnya 12 kumpulan silat yang tidak berdaftar di beberapa kawasan seperti Jurong, Changi dan Bedok.

Purata, setiap kumpulan itu mempunyai antara 30 dengan 40 murid.

Di bawah Akta Pengajaran Seni Pertahanan Diri 1974, adalah satu kesalahan bagi seseorang itu mengurus atau membantu dalam pengurusan persatuan mempertahankan diri yang tidak berdaftar.

Jika sabit kesalahannya, dia boleh didenda tidak melebihi \$4,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.

### Cabang budaya

Seseorang yang bertindak selaku pegawai persatuan mempertahankan diri yang tidak berdaftar atau menghadiri satu pertemuan persatuan mempertahankan diri yang tidak berdaftar, juga melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi \$3,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, dalam ucapannya pula, Yang Dipertua Perkunis, Encik Johari H M Uriff, berkata berkata bahawa seni silat merupakan salah satu cabang budaya yang harus dikembangkan.